



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**PONTENG SEKOLAH DAN GAYA ASUHAN IBU BAPA DALAM  
KONTEKS PENDIDIKAN MENENGAH: SATU ANALISIS  
TRIANGULASI**

*SCHOOL TRUANCY AND PARENTING STYLES IN THE CONTEXT OF  
SECONDARY EDUCATION: A TRIANGULATION ANALYSIS*

Liza Saad<sup>1\*</sup>, Noraidah Mohd Sani<sup>2</sup>, Mohamad Nizam Hamid<sup>3</sup>, Ummu Rahmah Arifin<sup>4</sup>, Ummu Athilia Kamal<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Kecemerlangan Akademik, IPGK Perlis  
Email: lizasaad@ipgm.edu.my

<sup>2</sup> Unit Psikologi dan Kaunseling, IPGK Perlis  
Email: noraidah.sani@ipgm.edu.my

<sup>3</sup> Jabatan Pengajian Melayu, IPGK Perlis  
Email: nizam.hamid@ipgm.edu.my

<sup>4</sup> Jabatan Sains Sosial, IPGK Perlis  
Email: ummurahmah.arifin@ipgm.edu.my

<sup>5</sup> SEGI International University  
Email: ummuathiliakamal@segi.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 24.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 14.08.2025

Published date: 01.09.2025

**To cite this document:**

Saad, L., Sani, N. M., Hamid, M. N., Arifin, U. R., & Kamal, U. A. (2025). Ponteng Sekolah Dan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dalam Konteks Pendidikan Menengah: Satu Analisis Triangulasi. *International Journal of Education*,

**Abstract:**

Gejala ponteng sekolah merupakan salah satu isu disiplin paling membimbangkan dalam sistem pendidikan menengah di Malaysia dan menjadi cabaran besar terhadap pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4), iaitu memastikan pendidikan berkualiti dan inklusif untuk semua. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa yang dominan dalam kalangan murid yang terlibat dengan ponteng sekolah, menganalisis persepsi murid dan ibu bapa terhadap gaya tersebut, serta menilai keselarasan antara data soal selidik, temu bual dan dokumen refleksi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif yang disokong data kuantitatif (soal selidik PAQ). Sampel kajian terdiri daripada 15 orang murid asnaf dan lima orang ibu bapa dari sebuah sekolah menengah di Perlis. Data dikumpul melalui tiga instrumen utama: soal selidik, temu bual separa berstruktur, dan dokumen refleksi, serta dianalisis melalui pendekatan statistik deskriptif, analisis tematik dan analisis kandungan. Dapatkan menunjukkan bahawa gaya asuhan autoritatif adalah paling dominan dalam kalangan ibu

*Psychology and Counseling*, 10 (59),  
373-386.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059026

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



bapa, namun murid lebih cenderung menilai gaya autoritarian sebagai lebih ketara. Triangulasi data menunjukkan wujud jurang persepsi antara murid dan ibu bapa serta ketidakkonsistenan dalam pelaksanaan gaya asuhan. Kajian mencadangkan agar intervensi pendidikan melibatkan latihan keibubapaan yang seimbang dan kolaboratif antara pihak sekolah dan keluarga dalam menangani gejala ponteng sekolah secara holistik.

#### Kata Kunci:

Gaya Asuhan Ibu Bapa, Ponteng Sekolah, Murid Sekolah Menengah

#### Abstract:

School truancy is one of the most worrying disciplinary issues in the Malaysian secondary education system and poses a major challenge to achieving Sustainable Development Goal 4 (SDG 4), which is to ensure quality and inclusive education for all. This study was conducted to identify the dominant parenting style among students involved in school truancy, to analyze the perceptions of students and parents towards that style, and to evaluate the consistency between data from questionnaires, interviews, and reflection documents. The study used a case study design with a qualitative approach supported by quantitative data (PAQ questionnaire). The study sample consisted of 15 *asnaf* students and five parents from a secondary school in Perlis. Data was collected using three main instruments: a questionnaire, semi-structured interviews, and reflection documents, and was analysed through descriptive statistics, thematic analysis, and content analysis. The findings show that the authoritative parenting style was the most dominant among parents, but students were more inclined to perceive the authoritarian style as more pronounced. Data triangulation revealed a perception gap between students and parents as well as an inconsistency in the implementation of parenting styles. The study recommends that educational interventions involve balanced and collaborative parenting training between schools and families to address school truancy holistically.

#### Keywords:

Parenting Styles, School Truancy, Secondary School Students

## Pengenalan

Matlamat Pembangunan Mampan 4 (*Sustainable Development Goal 4*, SDG 4) menekankan kepentingan menyediakan pendidikan yang inklusif, saksama dan berkualiti untuk semua, serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat menjelang tahun 2030. Namun begitu, pencapaian matlamat ini berdepan cabaran serius apabila isu ponteng sekolah terus berlaku dalam kalangan murid, khususnya di peringkat menengah. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (Utusan Malaysia, 2024), sebanyak 3.59% murid direkodkan sebagai ponteng sekolah pada sesi akademik 2023/2024, bersamaan kira-kira 182,848 orang murid. Ketidakhadiran ke sekolah secara berulang bukan sahaja menjelaskan pencapaian akademik, tetapi turut melemahkan peluang murid untuk kekal dalam sistem pendidikan secara berkesan. Gejala ponteng sekolah perlu ditangani secara menyeluruh agar aspirasi SDG 4 dapat direalisasikan secara holistik dan berkesan dalam konteks pendidikan negara.

Ponteng sekolah adalah salah laku disiplin murid yang telah berlaku sekian lama dalam dunia pendidikan dan mencatatkan rekod yang tertinggi berbanding salah laku disiplin yang lain. Selain itu, data menunjukkan gejala ponteng murid sekolah menengah semakin meningkat dan menjadi semakin serius sekiranya tidak dikawal. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan buku Panduan bagi Mengatasi Masalah Ponteng Sekolah pada tahun 1994 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995 Menangani Masalah Ponteng Sekolah (KPM, 2004). Kajian lampau melaporkan terdapat pelbagai faktor yang boleh menyumbang kepada gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah dan antaranya adalah faktor persekitaran sekolah (Saidi, 2010), pengaruh rakan sebaya (Berten & Rossem, 2015; Dahl, 2016), faktor tekanan hidup, sumber sosial serta kesejahteraan spiritual (Hashim, 2016), dan faktor keluarga (Breda, 2014; Donkor, 2015; Gase et al., 2016; Saleh & Saidi, 2015).

Walaupun terdapat pelbagai faktor yang menyumbang terhadap gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid, namun antara faktor yang sering dikaitkan dengan gejala ini adalah faktor keluarga. Salah satu daripada faktor-faktor keluarga ini yang dikenal pasti sebagai gaya asuhan ibu bapa yang diguna pakai oleh ibu bapa untuk mengasuh anak-anaknya. Gaya asuhan ibu bapa merupakan faktor utama dalam membentuk perkembangan kanak-kanak, kerana ia mempengaruhi tingkah laku, sikap dan prestasi akademik. Cara ibu bapa berinteraksi dengan anak-anak mereka boleh memberi kesan yang berkekalan terhadap kesejahteraan dan kejayaan mereka dalam hidup. Khususnya, gaya asuhan ibu bapa telah ditunjukkan berkaitan dengan beberapa tingkah laku, termasuk ponteng sekolah. Sehubungan dengan itu, gaya asuhan ibu bapa adalah salah satu pemboleh ubah yang dinyatakan oleh beberapa pengkaji (Bezrukova & Samoylova, 2015; Chand & Campus, 2012; Donoghue, 2011; Murtiyani, 2011; Smith et al., 2011), yang berkaitan dengan gejala ponteng sekolah. Dengan demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa yang dominan dalam kalangan murid yang terlibat dengan ponteng sekolah, menganalisis persepsi murid dan ibu bapa terhadap gaya tersebut serta menilai keselarasan antara data soal selidik, temu bual dan dokumen refleksi. Namun, dapatan kajian mungkin berbeza disebabkan oleh pelbagai faktor lain seperti budaya, cara hidup dan demografi.

## Kajian Literatur

Hasil laporan kajian lampau mendapati kebanyakan hasil kajian mencadangkan bahawa gaya asuhan ibu bapa autoritatif mempunyai kaitan positif dengan kehadiran sekolah, pencapaian akademik, dan keterikatan sekolah, manakala gaya keibubapaan yang tidak terlibat dan kawalan psikologi mempunyai kaitan negatif dengan hasil ini (Al-Hendawi, AlQaisi, Albdour, & Al-Khazaleh, 2020; Garcia-Chacon & Exposito, 2020; Wadhwa & Aggarwal, 2020; Chen, So, & Wong, 2021; Zhang, Xie, Xia, Hu, & Meng, 2021; Jirayucharoensak, Somkotra, & Unhathom, 2021). Selain itu, sangkutan sekolah dan efikasi kendiri akademik didapati menjadi pengantara hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan kehadiran ke sekolah dalam beberapa kajian (Kim & Kim, 2019). Penemuan ini mencadangkan bahawa intervensi yang bertujuan untuk menggalakkan amalan keibubapaan yang berwibawa dan meningkatkan kebergantungan kepada sekolah dan efikasi kendiri akademik boleh membantu mengurangkan ketidakhadiran sekolah sebaliknya meningkatkan prestasi akademik dalam kalangan remaja (Kim & Kim, 2019; Al-Hendawi et al., 2020; Garcia-Chacon & Exposito, 2020; Chen et al., 2021; Zhang et al., 2021).

Terdapat beberapa kajian di Malaysia mencadangkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif mempunyai kaitan positif dengan prestasi akademik dan kehadiran ke sekolah, manakala gaya keibubapaan permisif secara negatif berkaitan dengan hasil ini (Liza et al., 2023; Ahmad & Wan Mohamed, 2017; Yaakub & Yaacob, 2018). Selain itu, penglibatan ibu bapa didapati mempunyai kaitan positif dengan prestasi akademik dan kehadiran ke sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia (Ahmad & Wan Mohamed, 2017; Abdul-Razak & Zainuddin, 2019). Kajian Asri dan Ramli (2020) yang melibatkan sampel kajian terdiri daripada 400 orang pelajar sekolah menengah di Malaysia juga melaporkan bahawa terdapat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa authoritarian dengan isu ponteng sekolah.

Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi kecenderungan murid untuk terlibat dalam gejala ponteng sekolah. Gaya asuhan **autoritatif** dikenal pasti sebagai faktor pelindung yang paling berkesan, di mana ibu bapa yang menunjukkan kehangatan emosi, komunikasi terbuka dan struktur disiplin yang jelas berjaya mengurangkan kadar ponteng dalam kalangan anak-anak mereka. Sebaliknya, gaya asuhan **authoritarian**, yang dicirikan oleh kawalan ketat tanpa elemen sokongan emosi, menunjukkan peningkatan risiko ponteng secara sederhana. Gaya ini sering mencetuskan penolakan emosi dalam kalangan murid, sekaligus mengurangkan motivasi untuk hadir ke sekolah. Gaya **permisif**, yang dicirikan oleh kebebasan tanpa sempadan dan kekurangan disiplin, turut dikaitkan dengan peningkatan ketara dalam tingkah laku ponteng. Murid yang dibesarkan dalam persekitaran ini biasanya kekurangan motivasi dalaman dan tidak memahami kepentingan kehadiran konsisten di sekolah. Secara keseluruhannya, pola ini menegaskan kepentingan keseimbangan antara **kehangatan hubungan** dan **struktur disiplin** dalam gaya asuhan ibu bapa bagi membentuk sikap dan kehadiran positif anak-anak di sekolah. Jadual 1 memaparkan tiga gaya asuhan beserta ciri-ciri utama dan kesan terhadap ponteng sekolah.

**Jadual 1: Gaya Asuhan, Kesan Terhadap Ponteng dan Ciri-Ciri Utama**

| Gaya Asuhan  | Kesan terhadap Ponteng | Ciri-ciri Utama                  |
|--------------|------------------------|----------------------------------|
| Autoritatif  | ↓ Ponteng (Pelindung)  | Kehangatan, struktur, komunikasi |
| Autoritarian | ↑ Risiko sederhana     | Kawalan ketat, kurang sokongan   |
| Permisif     | ↑ Risiko tinggi        | Kebebasan tanpa sempadan         |

Penemuan ini menjelaskan kepentingan menggalakkan amalan keibubapaan yang berwibawa dan meningkatkan penglibatan ibu bapa di sekolah untuk mengurangkan ponteng sekolah sekaligus meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia. Dengan meneroka gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan murid-murid ponteng sekolah, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa melalui tinjauan soal selidik, temu bual ibu bapa dan analisis dokumen/refleksi ibu bapa.

## Metodologi

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif yang disokong oleh data kuantitatif (soal selidik PAQ) bagi mengumpul data berkaitan gaya asuhan ibu bapa dan kesan terhadap gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid sebuah sekolah menengah

di negeri Perlis. Sumber data utama kajian ini adalah data temu bual dan data analisis dokumen. Selain itu, data set soal selidik PAQ (*Parental Authority Question*) yang disusun oleh Buri (1991) dijadikan sebagai data tambahan dalam kajian ini. Ketiga-tiga data ini ditrangulasi bagi tujuan melaporkan dapatan kajian. Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada protokol temu bual ibu bapa, analisis dokumen dan soal selidik. Dalam kajian ini, data yang diperoleh melalui temu bual, analisis dokumen adalah terdiri daripada transkrip temu bual, rakaman audio dan visual, serta soal selidik. Penganalisisan data kualitatif untuk kajian ini dilakukan secara manual bagi membolehkan pengkaji mengorganisasi, mengkod, dan menganalisis data daripada transkrip temu bual, dan analisis dokumen dengan lebih sistematik dan terperinci. Dalam pada itu, data soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS).

### **Lokasi dan Responden Kajian**

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah harian di negeri Perlis, yang mempunyai bilangan murid asnaf yang signifikan serta latar belakang keluarga berpendapatan rendah. Sampel kajian terdiri daripada 15 orang murid asnaf yang dikenal pasti mempunyai sejarah ponteng sekolah bersama lima orang ibu bapa atau penjaga kepada murid-murid tersebut.

Pemilihan sampel dilakukan secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana peserta dipilih berdasarkan kriteria tertentu, iaitu murid yang tergolong dalam kategori asnaf, mempunyai rekod ponteng sekolah dan bersedia untuk memberikan kerjasama dalam soal selidik, refleksi dan temu bual.

Manakala hanya lima orang ibu atau bapa dipilih sebagai responden kajian ini bagi mendapatkan data temu bual juga data analisis dokumen (refleksi). Ini kerana kebolehcapaian responden ibu atau bapa hanya lima orang sahaja kerana kesukaran untuk mendapat kerjasama akibat kekangan masa dan komitmen. Walau bagaimanapun, ciri-ciri ibu bapa ini adalah hampir sama bagi setiap ibu bapa responden 15 murid sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini.

### **Pengumpulan Data**

Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data utama, iaitu:

#### **Soal Selidik**

Soal selidik ditadbirkan kepada 15 orang murid untuk mengenal pasti persepsi mereka terhadap gaya asuhan ibu bapa. Soal selidik ini dibina berdasarkan dimensi gaya asuhan seperti autoritatif, autoritarian dan permisif, dengan menggunakan skala Likert 5 mata. Set soal selidik PAQ (*Parental Authority Question*) yang disusun oleh Buri (1991) mengandungi Bahagian A (demografi), Bahagian B (pernyataan tentang pengaruh gaya asuhan ibu bapa), dan Bahagian C (pernyataan tentang kecenderungan ponteng sekolah). Jadual 2 menjelaskan lagi berkaitan PAQ.

**Jadual 2: Soal Selidik PAQ (*Parental Authority Question*)**

| Bahagian | Aspek  | Bilangan Soalan |
|----------|--|-----------------|
| A        | Demografi/latar belakang diri                    | 11              |
| B        | Pernyataan tentang pengaruh gaya asuhan ibu bapa | 30              |
| C        | Penyataan tentang kecenderungan ponteng sekolah  | 10              |

**Temu Bual Separa Berstruktur**

Temu bual separa berstruktur dijalankan bersama 5 orang ibu bapa. Soalan temu bual dibina berdasarkan garis panduan yang fleksibel dan membolehkan penyelidik menggali pengalaman sebenar ibu bapa, gaya asuhan yang diamalkan serta pandangan mereka terhadap tingkah laku anak-anak berkaitan ponteng sekolah. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan direkodkan dengan kebenaran peserta. Transkrip temu bual digunakan untuk proses analisis tematik.

**Dokumen Refleksi Murid dan Ibu Bapa**

Refleksi bertulis dikumpulkan daripada murid dan ibu bapa yang terlibat. Murid diminta menulis refleksi berkaitan pengalaman mereka di sekolah, hubungan dengan ibu bapa, serta perasaan mereka tentang kehadiran ke sekolah. Ibu bapa pula memberikan refleksi ringkas berkaitan tindakan mereka jika anak ponteng sekolah, gaya asuhan dan cabaran mereka dalam menangani isu nak ponteng sekolah. Dokumen ini bertindak sebagai data sokongan untuk triangulasi dapatan daripada soal selidik dan temu bual.

**Penganalisan Data**

Data dianalisis secara berperingkat berdasarkan jenis instrumen:

**Soal Selidik (Data Murid)**

Data daripada soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti gaya asuhan yang paling dominan. Hasil analisis ini membantu penyelidik mengenal pasti kecenderungan umum persepsi murid terhadap cara ibu bapa mereka membimbing dan mendidik.

**Temu Bual Separuh Berstruktur (Data Ibu Bapa)**

Data daripada temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik (*thematic analysis*). Transkrip temu bual dibaca berulang kali bagi mengenal pasti kod-kod awal, yang kemudiannya dikumpulkan kepada subtema dan tema utama. Proses ini dilakukan secara manual berpandukan pendekatan Braun dan Clarke (2006).

**Dokumen Refleksi Murid dan Ibu Bapa**

Refleksi murid dan ibu bapa dianalisis dengan pendekatan analisis kandungan (*content analysis*) secara induktif. Fokus utama adalah untuk mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa perasaan, pengalaman, dan kepercayaan yang berkaitan dengan gaya asuhan dan ponteng sekolah.

### Kesimpulan

Keseluruhan reka bentuk kajian ini membolehkan penyelidik mendapatkan pemahaman mendalam, holistik dan kontekstual berkaitan fenomena yang dikaji. Triangulasi data daripada soal selidik, temu bual dan dokumen refleksi membolehkan penyelidik mengesahkan dan memperkuuh daptan, sekaligus meningkatkan kebolehpercayaan kajian ini.

### Dapatan dan Perbincangan

Pembentangan dapatan kajian berdasarkan analisis data yang diperoleh daripada tiga sumber utama, iaitu **soal selidik murid, temu bual ibu bapa, dan analisis dokumen refleksi murid dan ibu bapa**. Pendekatan triangulasi data digunakan bagi memastikan **kesahihan, kebolehpercayaan dan ketepatan** daptan kajian. Perbincangan dalam bab ini disusun mengikut **objektif kajian** yang telah ditetapkan.

#### Objektif Pertama:

Mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa yang paling dominan dalam kalangan murid di sebuah sekolah menengah di negeri Perlis yang terlibat dengan gejala ponteng sekolah.

#### Dapatan Soal Selidik

Jadual 3 melaporkan tahap bagi setiap gaya asuhan ibu bapa murid sekolah menengah negeri Perlis yang terlibat dengan gejala ponteng. Menurut Birisci et al., (2009), selang min di antara 1 hingga 1.80 menunjukkan tahap yang sangat rendah, 1.81 hingga 2.60 menunjukkan tahap rendah, 2.61 hingga 3.40 menunjukkan tahap sederhana, 3.41 hingga 4.20 menunjukkan tahap yang tinggi dan 4.21 hingga 5.00 menunjukkan peringkat sangat tinggi. Soal selidik yang ditadbirkan kepada 15 orang murid mendedahkan bahawa **gaya asuhan autoritarian adalah paling dominan** dengan min=3.88 (SP=0.57), diikuti oleh gaya autoritatif ( $M=2.62$ , SP=0.53) dan permisif ( $M=2.24$ ; SP=0.37). Murid menggambarkan ibu bapa mereka sebagai **tegas tetapi masih boleh berbincang**, memberi kebebasan terkawal serta menunjukkan minat terhadap urusan sekolah anak-anak.

Jadual 3: Gaya Asuhan Ibu Bapa (N=15)

| Gaya Asuhan  | Min              | SP   |
|--------------|------------------|------|
| Autoritatif  | 2.62 (sederhana) | 0.53 |
| Permisif     | 2.24 (rendah)    | 0.37 |
| Autoritarian | 3.88 (tinggi)    | 0.57 |

#### Dapatan Temu Bual Ibu Bapa

Temu bual dengan lima orang ibu bapa menyokong daptan soal selidik, empat daripada lima responden menyatakan mereka cuba mendidik anak dengan tegas tetapi lembut, menunjukkan ciri-ciri gaya autoritatif. Namun begitu, dalam beberapa kes, ibu bapa juga menggunakan pendekatan autokratik secara situasi seperti merampas telefon bimbit atau memarahi anak apabila tidak hadir ke sekolah.

Contoh petikan:

*“Kalau dia tak nak sekolah, saya ambil handset. Kalau dia menangis pun, saya tetap ambil. Tapi saya tetap cakap elok-elok.”* – Informan 1

Dalam pada itu, ada juga bapa yang menggunakan gaya asuhan permisif yakni tidak ambil hal langsung pasal anak-anak, semuanya diserahkan kepada ibu sahaja. Ini kerana, beliau khuatir akan menjadi perkara yang lebih buruk kerana tidak sabar menghadapi kerentang ponteng sekolah.

Contoh petikan:

*“Saya memang tak ambil hal pun pasal anak nak pi sekolah atau tak, sebabnya...saya ni tak sabar, kejut tidur sekali...ok lagi...masuk kali kedua, kalau tak bangun juga...mau saya heret masuk bilik air...haha..sebab tu saya serah semua kat ibu dia je...”* - Informan 2.

#### **Dapatan Dokumen Refleksi Murid**

Daripada refleksi kendiri murid, didapati sebahagian pelajar merasa diri difahami dan disokong, tetapi ada juga yang mengalami tekanan emosi kerana anggapan bahawa ibu bapa tidak memahami situasi sebenar mereka di sekolah.

Contoh petikan:

*“Mak kata saya malas, tapi dia tak tahu saya malu bila cikgu tegur depan orang ramai.”*

#### **Dapatan Dokumen Refleksi Ibu Bapa**

Dokumen refleksi ibu bapa dilaporkan berdasarkan aspek berkaitan tindakan mereka jika anak ponteng sekolah, gaya asuhan dan cabaran mereka dalam menangani isu nak ponteng sekolah. Jadual 4 melaporkan dapatan data refleksi ibu bapa.

**Jadual 4: Dapatan Analisis Refleksi Ibu Bapa**

| Ibu Bapa                 | Tindakan ibu bapa  | Gaya asuhan  | Cabaran   |
|--------------------------|--|--|---|
| 1.PK1.PM/R1/25.3/BMSMKKP | Tanya sebab. Sakit atau ada masalah. Selalu nasihat dia pentingkan pelajaran.                    | Saya dengar apa yang dia perlukan tetapi tegas (autotitif)   | Anak selalu ada alasan untuk tidak hadir ke sekolah seperti hari sukan                                  |
| 2.PK2.PM/R1/25.3/BMSMKKP | Mengambil hak menggunakan telefon bimbit seharian sebagai denda jika tidak hadir sekolah.        | Autoritatif  | Pertengkaran mulut dan emosi  |
| 3.PK3.PM/R1/25.3/BMSMKKP | Tanya pasal apa tak pi sekolah. Marah dia. Ambil talipon dia. Kalau sakit pi ambik Mc kat klinik | Saya adalah no 2 – autoritatif. Ada tolak ansur. Setiap hari suruh dia belajar. Kena buat kerja rumah. Jaga adik-adik. Solat | Malam suruh tidur awal. Tanya dia kerja sekolah dah siap ke belum. Baju sekolah dah siap basuh ke belum |

|                          |                        |  |  |
|--------------------------|------------------------|--|--|
| 4.PK4.LM/R1/25.3/BMSMKKP | Cakap lembut.<br>Pujuk | setiap hari tak<br>boleh tinggal.<br>Autoritatif | Gerak seperti<br>biasa walau pun<br>payah nak<br>bangun pagi |
|--------------------------|------------------------|--|--|

### **Triangulasi Data**

Triangulasi ketiga-tiga sumber data (soal selidik, temu bual dan refleksi) menunjukkan bahawa **gaya asuhan autoritatif adalah yang paling dominan secara deklaratif**, terutamanya dalam laporan ibu bapa. Namun, **pelaksanaannya tidak konsisten**, dan sering bercampur dengan unsur authoritarian atau permisif, bergantung kepada **situasi tertentu, peranan antara pasangan (ibu atau bapa), serta latar belakang sosial ekonomi keluarga**.

Sebagai contoh, **temu bual Informan 1** menunjukkan niat ibu bapa untuk menjadi tegas dan mendidik anak dengan cara berbincang, namun pada masa yang sama menggunakan kaedah authoritarian seperti merampas telefon bimbit:

*“Kalau dia tak nak sekolah, saya ambil handset... Kalau dia menangis pun, saya tetap ambil. Tapi saya tetap cakap elok-elok.”* – Informan 1

Ini menunjukkan pertembungan antara niat autoritatif (bercakap elok-elok) dan tindakan authoritarian (hukuman fizikal terhadap alat kawalan). Sementara itu, **murid dalam refleksi kendiri** menggambarkan persekitaran yang lebih menekan dan tidak difahami secara emosi:

*“Mak kata saya malas, tapi dia tak tahu saya malu bila cikgu tegur depan orang ramai.”*

Ini menunjukkan **jurang persepsi** – ibu bapa menganggap anak ‘malas’, tetapi anak merasa tertekan secara emosi kerana pengalaman sosial di sekolah yang tidak difahami. Dalam kes lain, **seorang bapa (Informan 2)** melaporkan langsung tidak terlibat dalam hal kehadiran anak ke sekolah kerana menganggap dirinya “tidak sabar”:

*“Saya memang tak ambil hal pun pasal anak nak pi sekolah atau tak, sebab tu saya serah semua kat ibu dia je.”* – Informan 2

Ini jelas mencerminkan gaya **permisif secara pasif** dari pihak bapa, yang memberi ruang tanpa sempadan dan tanpa kawalan – satu bentuk ketidakseimbangan dalam tanggungjawab keibubapaan.

Dalam analisis **triangulasi**, murid menggambarkan ibu sebagai “pilih kasih”, “suka marah” dan “ambil handset” – padanan dengan gaya **authoritarian** dari sudut persepsi anak. Sebaliknya, ibu dalam temu bual menyatakan “saya dah cukup tegas, dan selalu nasihat” – menunjukkan persepsi **autoritatif** yang mereka percaya mereka praktikkan. Perincian ini menunjukkan bahawa **gaya asuhan tidak statik, dan pengalaman sebenar berbeza dari persepsi**. Jurang antara apa yang ibu bapa fikir mereka lakukan (autoritatif), dan apa yang murid rasa mereka terima (authoritarian/permisif), adalah dapatan penting yang perlu diberi perhatian dalam intervensi keluarga dan sekolah.

### Objektif Kedua:

Menganalisis bagaimana murid dan ibu bapa menilai gaya asuhan mereka dan bagaimana ia mempengaruhi tingkah laku ponteng sekolah.

#### *Persepsi Murid*

Murid yang menganggap ibu bapa mereka **memberi ruang, mendengar dan tidak memaksa**, menunjukkan motivasi ke sekolah yang lebih baik. Sebaliknya, murid yang melihat ibu bapa sebagai **terlalu mengawal, marah atau tidak kisah langsung**, lebih cenderung untuk ponteng.

Contoh petikan:

*“Kalau mak marah, saya malas nak bangun... dia bising je, saya masuk bilik.”*

#### *Persepsi Ibu Bapa*

Ibu bapa menyedari anak mereka terlibat dalam ponteng, namun ada yang menyalahkan gajet, rakan sebaya, program rasmi sekolah seperti hari sukan atau sikap anak sendiri. Kebanyakan ibu bapa tidak mengenal pasti dengan jelas kaitan antara gaya asuhan dan ponteng anak.

*“Saya rasa dia ponteng sebab game... bukan sebab saya marah sangat pun.”*

*“Anak saya akan ponteng sekolah jika ada program-program lain yang mana semua murid akan berkumpul di dewan atau padang.”*

#### *Triangulasi Persepsi*

Wujud jurang antara persepsi murid dan ibu bapa terhadap gaya asuhan. Murid berasa kurang difahami, manakala ibu bapa merasakan mereka telah cukup memberikan perhatian dan sokongan. Dalam hal ini, peranan ibu versus bapa sering tidak seimbang. Bapa cenderung mengambil pendekatan mengelak atau menyerahkan kepada ibu, manakala ibu pula tertekan antara kelembutan dan ketegasan. Selain itu, konteks ekonomi dan tekanan hidup turut menyumbang kepada pendekatan bergantung situasi (contohnya menghukum apabila gagal kawal emosi) justeru murid yang merasa tidak didengar atau dibandingkan dengan adik-beradik menunjukkan corak penarikan diri dan tingkah laku memberontak seperti ponteng.

### Objektif Ketiga

Menilai keselarasan antara gaya asuhan yang dikenal pasti oleh murid, ibu bapa dan dokumen refleksi.

Data soal selidik, temu bual ibu bapa dan refleksi (murid dan ibu bapa) diselaras dan dipadankan bagi menilai objektif kajian ketiga. Dapatkan menunjukkan bahawa dalam kebanyakan kes. Sampel murid menyatakan gaya asuhan gaya autoritarian adalah lebih dominan. Sebaliknya, ibu bapa mengenal pasti gaya autoritatif, namun pelaksanaannya tidak selaras. Dokumen refleksi membantu mengesahkan sama ada gaya tersebut memberi kesan positif atau negatif terhadap kehadiran ke sekolah.

**Jadual 5: Contoh Padanan Gaya Asuhan Berdasarkan Data Soal Selidik, Temu Bual Ibu Bapa Dan Analisis Dokumen (Refleksi Murid Dan Ubu Bapa)**

| Sumber             | Gaya Asuhan Dominan     | Ponteng   | Catatan (contoh tingkah laku atau data temu bual)  |
|--------------------|-------------------------|---|--|
| Soal Selidik Murid | Autoritarian            | Kerap (2-3 kali/minggu)                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu beri ruang, tapi suka marah.</li> <li>• Ibu akan ambil <i>handset</i></li> <li>• Ibu pilih kasih (selalu marah dia, tapi tak marah adik)</li> <li>• Ibu rasa dia dah cukup tegas.</li> <li>• Mohon pihak sekolah untuk berikan kaunseling kepada anaknya</li> </ul> |
| Temu Bual Ibu Bapa | Autoritatif             | Sedar anak ponteng  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sedih kerana anak terlibat dengan masalah ponteng sekolah. Abang dan kakak sebelum ni pun sama juga (ibu menangis).</li> <li>• Rasa dimarah, tidak difahami</li> </ul>  |
| Refleksi Murid     | Autoritarian (persepsi) | Malas ke sekolah  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberontak, hempas pintu dan kurung diri dalam bilik seharian.</li> <li>• Bekerjasama baik dengan pihak sekolah</li> <li>• Berusaha sehabis baik agar anak hadir ke sekolah setiap hari</li> </ul>   |
| Refleksi Ibu Bapa  | Autoritatif             | Sedar dan berusaha agar anak hadir ke sekolah setiap hari | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak benarkan anak bekerja untuk mencari wang tambahan</li> <li>• Mengharapkan pihak sekolah beri nasihat dan kaunseling kepada anak</li> </ul>  |

**Rumusan Kajian**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa **gaya asuhan autoritatif adalah paling dominan**, namun pelaksanaannya sering bercampur dengan elemen **autoritarian** atau **permisif**, bergantung kepada konteks keluarga. Persepsi antara murid dan ibu bapa juga **tidak selalu seiring**, yang menyebabkan konflik emosi dan kecenderungan kepada ponteng sekolah. Triangulasi data membuktikan bahawa **konsistensi dan keselarasan gaya asuhan sangat penting** dalam membentuk sikap murid terhadap sekolah. Kelemahan komunikasi, kurang penglibatan ayah, serta ketagihan gajet turut menjadi faktor penyumbang yang memperkuat kesan gaya asuhan terhadap gejala ponteng sekolah. Dengan demikian, dicadangkan agar intervensi pendidikan melibatkan modul latihan bagi murid ponteng sekolah serta latihan

keibubapaan yang seimbang dilaksanakan. Selain kolaboratif antara pihak sekolah dengan keluarga dapat dipertingkatkan sebagai usaha menangani gejala ponteng sekolah secara holistik.

### Batasan Dan Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini dijalankan dalam skala kecil melibatkan 15 orang murid asnaf dan lima orang ibu bapa dari sebuah sekolah menengah harian di negeri Perlis. Oleh yang demikian, dapatan tidak dapat digeneralisasikan kepada semua pelajar menengah di Malaysia, khususnya dari latar belakang bukan asnaf atau kawasan bandar. Selain itu, temu bual hanya dijalankan dengan lima orang ibu bapa sahaja (biasanya ibu), manakala perspektif bapa kurang ditonjolkan. Kajian ini juga hanya menggunakan pendekatan kes kajian, yang bersifat mendalam tetapi terhad dari segi keberluasan statistik. Tambahan pula, pengaruh luaran seperti faktor persekitaran sekolah dan pengaruh rakan sebaya tidak menjadi tumpuan utama kajian ini.

Bagi mengukuhkan kefahaman terhadap hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan gejala ponteng sekolah, kajian lanjutan disarankan melibatkan sampel yang lebih besar merentas beberapa negeri dan pelbagai latar belakang sosioekonomi. Kajian kuantitatif berskala nasional dapat membantu mengesahkan dapatan dalam bentuk statistik inferens. Selain itu, kajian intervensi yang menguji keberkesanan modul latihan keibubapaan atau program sokongan murid terhadap kehadiran ke sekolah wajar dilaksanakan.

Kajian masa depan juga boleh memberi tumpuan khusus kepada peranan bapa dalam gaya asuhan, kerana dapatan kajian ini menunjukkan wujud ketidakseimbangan dalam penglibatan ibu dan bapa. Di samping itu, pengaruh faktor luaran seperti tekanan rakan sebaya, pengalaman sosial di sekolah, dan penggunaan teknologi digital secara berlebihan wajar diterokai sebagai boleh ubah pengantara (mediator) dalam hubungan gaya asuhan dengan ponteng sekolah.

### Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan yang tertinggi dan setinggi-tinggi terima kasih kepada **Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE)** kerana menganugerahkan Geran Jangka Pendek yang telah membolehkan pelaksanaan projek penyelidikan ini berjaya.

### Rujukan

- Abdul-Razak, M., & Zainuddin, N. (2019). Parental involvement and its influence on academic achievement: A Malaysian perspective. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 55–65.
- Ahmad, M., & Wan Mohamed, W. M. (2017). Parental involvement and student outcomes: A study in Malaysian secondary schools. *Journal of Educational Research*, 5(2), 45–59.
- Al-Hendawi, M., AlQaisi, K., Albdour, A., & Al-Khazaleh, M. (2020). Parenting styles and school attendance: A study among Jordanian adolescents. *International Education Studies*, 13(3), 1–11.
- Asri, A., & Ramli, A. (2020). Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa autoritarian dan ponteng sekolah. *Jurnal Psikologi Pendidikan*, 8(1), 22–34.
- Berten, H., & Rossem, R. Van. (2015b). Homophily in adolescence: Is similarity in status characteristics associated with similarity in anti-school behavior? Sage, 23(1), 76–96. <http://doi.org/10.1177/1103308814557400>
- Bezrukova, N., & Samoylova, E. (2015). Parenting styles and behavior problems. *Psychology in Russia: State of the Art*, 8(2), 45–53.

- Birisci, S., Metin, M., & Karakas, M. (2009). Prospective elementary teachers' attitudes toward computer and internet use: A sample from Turkey. *World APPLIED Science Journal*, 6(10), 1433–1440.
- Breda, J. (2014). Family influence on student absenteeism: A socio-cultural perspective. *Youth Studies Quarterly*, 31(4), 30–42.
- Buri, J. R. (1991). Parental Authority Questionnaire. *Journal of Personality Assessment*, 57(1), 110–119. [https://doi.org/10.1207/s15327752jpa5701\\_13](https://doi.org/10.1207/s15327752jpa5701_13)
- Chand, P., & Campus, M. (2012). Parenting styles and adolescent behavior. *Asian Journal of Psychology and Education*, 45(2), 97–106.
- Chen, J., So, W. W. M., & Wong, Y. H. (2021). Parenting styles and academic outcomes: A study of secondary students. *Educational Psychology Review*, 33(1), 75–92.
- Dahl, T. (2016). Peer pressure and truancy among teenagers: A qualitative approach. *Youth & Society*, 48(3), 345–362.
- Donkor, A. (2015). Exploring parental involvement and school attendance. *International Journal of Educational Research*, 72, 75–83.
- Donoghue, M. (2011). Disciplinary parenting and student disengagement. *Sociology of Education*, 84(1), 57–74.
- Gase, L. N., DeFosset, A., Perry, R., & Kuo, T. (2016). Youth perspectives on school attendance barriers. *Journal of Adolescent Health*, 58(6), 707–714.
- Garcia-Chacon, A., & Exposito, M. (2020). School attachment and parenting: An international comparative study. *International Journal of Adolescence and Youth*, 25(1), 21–37.
- Hashim, M. (2016). Faktor spiritual dan tekanan hidup dalam kalangan remaja ponteng sekolah. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 11(3), 89–104.
- Jirayucharoensak, S., Somkotra, T., & Unhathom, S. (2021). The role of parenting in reducing student absenteeism in Asia. *Asian Journal of Education*, 18(4), 322–338.
- Kim, M., & Kim, Y. (2019). Academic self-efficacy and school engagement: Mediators between parenting and attendance. *Journal of Youth Studies*, 22(8), 1095–1111.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2004). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995: Menangani Masalah Ponteng Sekolah*. Putrajaya: KPM.
- Liza Saad, Nizam Hamid, Noraidah Sani & Ummu Athilia Kamal. (2023). Gaya asuhan ibu bapa berpendapatan rendah terhadap gejala ponteng dalam kalangan murid sekolah menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, Volume 8 Issue 50, June 2023.
- Murtiyani, D. (2011). Parenting style and children's academic success. *Journal of Developmental Studies*, 9(2), 67–72.
- Saidi, N. (2010). Persekitaran sekolah dan ponteng pelajar. *Jurnal Pendidikan dan Masyarakat*, 4(1), 44–56.
- Saleh, S., & Saidi, R. (2015). Keluarga dan kesejahteraan pelajar: Implikasi terhadap kehadiran ke sekolah. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 12(1), 33–47.
- Smith, R., Rodriguez, L., & Lyman, D. (2011). The impact of parenting on school attendance. *Educational Research Quarterly*, 34(2), 43–58.
- Utusan Malaysia. (2024, May 14). *3.59% murid ponteng sekolah tahun lalu*. <https://www.utusan.com.my/berita/2024/05/3-59-murid-ponteng-sekolah-tahun-lalu/>
- United Nations. (n.d.). *Goal 4: Quality Education*. United Nations Sustainable Development. <https://www.un.org/sustainabledevelopment/education/>
- Wadhwa, P., & Aggarwal, S. (2020). Parenting and school behaviour: An Indian perspective. *International Journal of Psychology*, 55(3), 201–212.
- Yaakub, M., & Yaacob, N. (2018). Gaya keibubapaan dan pengaruh terhadap pelajar sekolah menengah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(1), 23–33.

Zhang, H., Xie, X., Xia, Y., Hu, Y., & Meng, L. (2021). Parenting and truancy: A meta-analysis. *Child and Youth Services Review*, 131, 106283.